



SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
KEMENTERIAN KERJA RAYA

SEKTOR PEMBINAAN

1. Adakah sektor pembinaan tertakluk di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)?

Ya, semua aktiviti dan operasi sector pembinaan di kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) adalah tertakluk kepada SOP PKPB.

2. Adakah tapak pembinaan di negeri-negeri terlibat dibenarkan beroperasi sepanjang PKPB?

Tapak pembinaan dan semua aktiviti di bawah sektor pembinaan boleh teruskan operasi tertakluk kepada SOP yang telah ditetapkan. Sila ke laman web rasmi KKR (www.kkr.gov.my) DAN PERKESO (www.perkeso.gov.my). Rujukan SOP terkini boleh dirujuk di laman sesawang Majlis Keselamatan Negara <https://www.mkn.gov.my/web/ms/sop-pkp-pemulihan/>.

3. Adakah sebarang had waktu operasi yang dikenakan untuk kerja-kerja di tapak pembinaan?

Majikan perlu mematuhi peraturan waktu operasi yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Had operasi adalah mengikut waktu bekerja biasa.

4. Apakah jenis ujian yang diterima untuk pengesanan COVID-19?

Terdapat dua (2) jenis ujian yang diterima untuk saringan COVID-19 iaitu:

- RT-PCR (*Rapid Test Polymerase Chain Reaction*)
- RTK Antigen (*Rapid Test Kit*)

KKM telah bersetuju ujian saringan RTK Antigen boleh digunakan berbanding RT-PCR sebagai saringan COVID-19.

5. Adakah saringan COVID-19 diwajibkan untuk pekerja di tapak pembinaan?

Saringan COVID-19 diwajibkan kepada semua pekerja asing secara berperingkat dengan memberi keutamaan kepada pekerja asing yang bekerja di negeri **Selangor, WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, dan Sabah**. Manakala negeri-negeri lain adalah digalakkan untuk berbuat demikian.

6. Bilakah kewajiban menjalani ujian saringan RTK Antigen COVID-19?

Merujuk kepada pengumuman oleh YB Menteri Kanan (Pertahanan) pada 20 November 2020, ujian saringan RTK Antigen diwajibkan kepada pekerja warga asing. Pelaksanaan dibuat secara berjadual dan berperingkat.

Pelaksanaan ujian saringan secara berkala di daerah-daerah yang dikenalpasti bermula:

- a. 1 Disember 2020 - Daerah Klang dan Seremban;
- b. 9 Disember 2020 - Daerah zon merah di Selangor (Hulu Langat, Petaling, Gombak, Kuala Langat, Sepang), seluruh WP Kuala Lumpur dan Pulau Pinang (Seberang Prai Selatan, Timur Laut, Barat Daya);
- c. 16 Disember 2020 – Seluruh Negeri Sabah, seluruh WP Labuan dan lain-lain daerah di negeri Selangor (Kuala Selangor, Hulu Selangor dan Sabak Bernam), Pulau Pinang (Seberang Prai Tengah dan Seberang Prai Utara) dan Negeri Sembilan (Rembau, Tampin, Port Dickson, Jempol, Jelevu dan Kuala Pilah).

7. Adakah perlu buat ujian saringan RTK Antigen COVID-19 sekiranya pernah membuat ujian saringan RT-PCR COVID-19?

Pekerja asing yang pernah menjalani ujian saringan RT-PCR perlu menjalani ujian saringan RTK Antigen semula.

8. Berapa kerapkah ujian saringan RTK Antigen perlu dibuat?

Buat masa ini kekerapan ujian saringan RTK Antigen belum lagi ditetapkan.

9. Apakah senarai klinik panel *Health Screening Programme* (HSP) PERKESO bagi tujuan ujian saringan RTK Antigen?

Ujian saringan dijalankan dengan kerjasama klinik dan hospital swasta secara berjadual dan berperingkat. Senarai panel yang boleh menjalankan ujian saringan RTK Antigen boleh dirujuk di <https://psp.perkeso.gov.my>. Ujian saringan ini akan menggunakan kaedah RTK Antigen yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan kit ujian akan dibiayai oleh PERKESO. Majikan hanya perlu membiayai kos perkhidmatan yang dikenakan oleh klinik atau hospital.

10. Siapakah yang akan menanggung kos ujian saringan RTK Antigen?

Bagi pencharum PERKESO, majikan hanya perlu membiayai kos perkhidmatan yang dikenakan oleh klinik kerana kit ujian RTK Antigen telah dibekalkan oleh PERKESO kepada klinik panel.

Bagi pekerja asing yang bukan pencharum PERKESO, kos saringan perlu ditanggung sepenuhnya oleh pihak majikan.

11. Adakah majikan boleh menuntut subsidi RM60 untuk kos ujian saringan RTK Antigen?

Tidak. PERKESO memberi subsidi dengan membekalkan kit ujian RTK Antigen di klinik-klinik panel PERKESO. Ini bermakna majikan hanya perlu membayar kos perkhidmatan.

12. Siapakah yang boleh dihubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut?

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi CIDB Careline 03-5567-3300.

Untuk persoalan berkaitan PERKESO, sila hubungi 03-4264-5089 atau 1-300-22-8000.

Catatan:

- 1) *Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak - individu, badan, persatuan sukan, syarikat / operator fasiliti terbuka untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk kita sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemic COVID-19 ini.*
- 2) *Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.*

KEMENTERIAN KERJA RAYA
8 Disember 2020